



**KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA**

MANUAL PENGGUNA



ROAMINGCERT + ONE TIME PASSWORD (OTP)

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini dibenarkan dicetak semula, diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada **JABATAN DIGITAL NEGARA (JDN)**.

Edisi ini diterbitkan dan diedarkan pada bulan September, 2025

Senarai edaran:-

1. Kakitangan Jabatan Digital Negara yang diberi kuasa.
2. Kakitangan Pos DigiCert Sdn Bhd.

Mana-mana pihak yang tidak disenaraikan di atas tidak dibenarkan untuk memeriksa/ membaca kandungan dokumen ini.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	2
SENARAI RAJAH	3
SENARAI AKRONIM	4
1.0 PENGENALAN	6
2.0 PERMOHONAN BAHARU ROAMINGCERT	8
2.1 NOTIFIKASI PENGESAHAN ALAMAT E-MEL PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA SIJIL DIGITAL	10
2.2 PENGISIAN MAKLUMAT PERMOHONAN BAHARU SIJIL	13
2.3 NOTIFIKASI E-MEL BAGI PENJANAAN SIJIL DIGITAL	18
3.0 PEMASANGAN APLIKASI MyGPKI <i>Mobile</i>	19
3.1 NOTIFIKASI	26
3.2 MENGHAPUSKAN NOTIFIKASI DALAM MyGPKI <i>Mobile</i>	28
4.0 PENGGUNAAN ROAMINGCERT + OTP	30
5.0 PENGUJIAN FUNGSI ROAMINGCERT	35
6.0 KEMAS KINI PROFIL	37
7.0 RESET PIN	39
7.1 RESET PIN MELALUI PORTAL MyGPKI	39
8.0 TUKAR PIN	43
8.1 TUKAR PIN MELALUI PORTAL MyGPKI	43

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Prosedur Asas RoamingCert + OTP	7
Rajah 2: Aliran Proses Permohonan Baharu RoamingCert	8
Rajah 3: Skrin Portal MyGPKI	9
Rajah 4: Muat Turun Aplikasi MyGPKI <i>Mobile</i>	19

SENARAI AKRONIM

Akronim	Definisi
Admin	Pegawai di agensi peneraju yang bertanggungjawab mengurus pengoperasian Sistem MyGPKI serta melantik dan mengurus <i>Sub-Admin</i> Pelaksana (SAP).
AP	Pegawai di agensi sektor awam yang dilantik bagi mengurus sijil digital dan pengguna perkhidmatan MYGPKI di agensi masing-masing.
CA	Organisasi yang diberi lesen dan diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi pengeluaran Sijil Digital berdasarkan Akta Tandatangan Digital 1997, Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 dan undang-undang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.
GPKI/MyGPKI Government Public Key Infrastructure (Prasarana Kunci Awam Kerajaan)	Satu perkhidmatan keselamatan ICT berasaskan teknologi <i>Public Key Infrastructure</i> (PKI) dengan membekalkan sijil digital pengguna dan sijil digital pelayan kepada agensi sektor awam bagi mengukuhkan keselamatan sistem ICT Kerajaan.
GPKI Agent	Perisian yang dipasang pada komputer pengguna MyGPKI bagi melaksanakan fungsi PKI bertujuan untuk pengesahan identiti (identity).
Pentadbir MyGPKI	Pentadbir bagi Sistem MyGPKI yang terdiri daripada <i>Admin</i> , <i>Sub-Admin</i> Pelaksana (SAP), <i>Sub-Admin</i> (SA) dan <i>Authorized Personnel</i> (AP).
<i>Personal Identification Number</i> (PIN)	Kod rahsia yang digunakan untuk mengesahkan identiti pengguna.
Sijil Digital Roaming (RoamingCert)	Fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan

Akronim	Definisi
	tandatangan digital. Sijil digital ini disimpan dalam pelayan di agensi peneraju.
Sub Admin (SA)	Pegawai di agensi sektor awam yang berperanan melantik AP, serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.
Sub Admin Pelaksana (SAP)	Pegawai di agensi pelaksana yang berperanan melantik SA dan AP serta mengurus Sijil Digital Pengguna di agensi masing-masing.
Sijil Digital Pengguna	Sijil yang dikeluarkan kepada individu oleh CA yang mengandungi maklumat berkenaan dengan identiti pengguna dan kunci awam (public key) pengguna tersebut.
Sistem ICT Kerajaan	Sistem dan aplikasi ICT (Information and Communication Technology) yang dibangun dan digunakan oleh agensi sektor awam bagi menyokong perkhidmatan kerajaan
RoamingCert	Fail yang mengandungi Sijil Digital Pengguna, kunci peribadi (private key) bagi pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Sijil digital ini dimuat turun dan disimpan ke dalam komputer pengguna.
SO PIN (Security Officer PIN)	6 digit kod digunakan oleh pentadbir keselamatan (Security Officer) untuk melakukan operasi khas seperti inisialisasi, konfigurasi atau pengubahsuaian pada modul keselamatan (contohnya modul PKCS#11 atau HSM).
Token	Peranti atau perkakasan yang mengandungi cip kriptografi untuk menyimpan kunci peribadi (private key) dan Sijil Digital Pengguna bagi melaksanakan pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital.

1.0 PENGENALAN

Manual Pengguna RoamingCert + OTP ini disediakan bagi membantu pengguna memahami kaedah penggunaan sijil digital MyGPKI melalui medium RoamingCert yang diakses bersama *One Time Password* (OTP).

Kaedah ini diperkenalkan sebagai alternatif dan pengganti kepada penggunaan medium Token, selaras dengan inisiatif transformasi digital Kerajaan yang menekankan aspek keselamatan, kemudahan capaian dan kelestarian.

One Time Password (OTP) adalah kod keselamatan yang hanya digunakan sekali sahaja untuk mengesahkan identiti pengguna dalam sistem ICT kerajaan. Melalui RoamingCert + OTP, pengguna tidak lagi bergantung kepada peranti token dan tidak perlu memasang MyGPKI Agent untuk log masuk atau menandatangani sesuatu dokumen secara digital. Sebaliknya, pengguna hanya memerlukan sambungan Internet serta kod OTP yang dihantar melalui aplikasi mudah alih MyGPKI Mobile atau e-mel berdaftar. Pendekatan ini dapat meningkatkan tahap keselamatan, memudahkan mobiliti pengguna, serta menyokong pelaksanaan sistem Kerajaan yang lebih cekap dan mesra.

Manual ini mengandungi panduan serta langkah-langkah yang bermula daripada proses pendaftaran RoamingCert, pemasangan Aplikasi MyGPKI *Mobile* dan penggunaan RoamingCert + OTP sehinggalah kepada pengurusan RoamingCert + OTP.



Rajah 1: Prosedur Asas RoamingCert + OTP


Rajah 1 di atas menunjukkan prosedur asas RoamingCert + OTP, iaitu:

1. Permohonan Baharu RoamingCert - membuat permohonan sijil digital.
2. Pemasangan Aplikasi MyGPKI *Mobile* - memuat turun dan memasang aplikasi mudah alih.
3. Penggunaan RoamingCert + OTP - menggunakan Sijil Digital Roaming bersama OTP bagi tujuan tandatangan digital.

Selain daripada langkah-langkah di atas, pengguna sistem ICT kerajaan juga boleh melaksanakan fungsi-fungsi seperti berikut:

1. Kemas kini profil pengguna;
2. Reset PIN; dan
3. Tukar PIN.

2.0 PERMOHONAN BAHARU ROAMINGCERT



Rajah 2: Aliran Proses Permohonan Baharu RoamingCert

Rajah 2 menunjukkan aliran proses permohonan baharu RoamingCert. Proses ini bermula dengan pendaftaran pengguna oleh Pentadbir MyGPKI (SAP/SA/AP), diikuti penerimaan e-mel pengesahan serta kod verifikasi oleh pengguna. Seterusnya, pengguna membuat permohonan baharu melalui Portal MyGPKI dengan melengkapkan butiran peribadi dan maklumat RoamingCert. Permohonan tersebut kemudian disahkan oleh Pentadbir MyGPKI (SAP/SA/AP), diluluskan oleh CA dan akhirnya pengguna menerima notifikasi e-mel berhubung kelulusan RoamingCert.

Paparan Skrin Utama Portal MyGPKI adalah seperti berikut:

1. URL Portal MyGPKI ialah https://mygпки.gov.my/gпки_portal/




Rajah 3: Skrin Utama Portal MyGPKI


2.1 NOTIFIKASI PENGESAHAN ALAMAT E-MEL PENDAFTARAN SEBAGAI PENGGUNA SIJIL DIGITAL

Langkah-langkah:


1. Notifikasi e-mel kepada pengguna akan dihantar untuk memaklumkan bahawa pengguna telah didaftarkan ke dalam Sistem MyGPKI. Pengguna akan menerima notifikasi pengesahan alamat e-mel pendaftaran sebagai Pengguna Sijil Digital bagi sesuatu aplikasi yang digunakan (contoh: MyGPKI).
2. Contoh e-mel adalah seperti berikut:



3. Klik pautan [di sini] bagi mengesahkan pendaftaran dan e-mel pengguna. Sistem akan memaparkan skrin [Pengesahan E-mel Pengguna] seperti berikut:



4. Klik butang **Jana Kod Verifikasi Permohonan** untuk menjana Kod Verifikasi Permohonan. Sistem akan memaparkan mesej “Kod Verifikasi Permohonan telah dijana dan dihantar ke e-mel <alamat e-mel pengguna>.”.



PERKHIDMATAN / PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA / Permohonan Sijil Digital Pengguna

PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA

Kod Verifikasi Permohonan baru telah dijana dan dihantar ke e-mel **Uatuser13@yopmail.com**

No. MyKad

Kod Verifikasi Permohonan

Jana Kod Verifikasi Permohonan Sila jana semula jika kod telah tamat tempoh

Set Semula **Seterusnya**

Nota:

Butang [Jana Kod Verifikasi Permohonan] perlu ditekan untuk mendapatkan Kod Verifikasi permohonan.

5. Pengguna akan menerima e-mel notifikasi “Kod Verifikasi Permohonan untuk Permohonan Sijil Digital Pengguna” seperti contoh e-mel berikut:

Kod Verifikasi Permohonan untuk Permohonan Sijil Digital Pengguna

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan RASHIDAN BIN RASHID,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, anda telah didaftarkan sebagai pengguna Sistem ICT Kerajaan eVetting. Kod Verifikasi Permohonan adalah Kod Pengaktifan yang dinaik taraf dari Sistem GPKI 2.0. Nombor Kod Verifikasi Permohonan anda yang baharu adalah **12476586** dan akan tamat pada 15-09-2020 11:10 AM. Permohonan boleh dibuat melalui Portal GPKI di <https://gпки.mampu.gov.my>. Sila gunakan Kod Verifikasi Permohonan semasa membuat permohonan.

3. Klik [di sini](#) untuk panduan permohonan.

4. Sekiranya terdapat sebarang masalah, penjanaan semula Kod Verifikasi Permohonan adalah seperti berikut:

- i. Pengguna GPKI hendaklah klik halaman GPKI Portal Pengguna <https://mygпки.gov.my>;
- ii. Klik menu 'Perkhidmatan';
- iii. Klik pautan 'Permohonan Sijil Digital Pengguna' di bawah sub menu 'Permohonan Sijil Digital Pengguna';
- iv. Klik butang 'Jana Kod Verifikasi Permohonan'; Pengguna GPKI hendaklah memasukkan nombor MyKad pada ruangan yang disediakan;
- v. Sistem akan memaparkan maklumat pengguna yang mengandungi alamat e-mel;
- vi. Pengguna GPKI hendaklah menyemak e-mel yang didaftarkan. Sekiranya e-mel tepat, klik butang 'Kod Verifikasi Permohonan';
- vii. Sekiranya e-mel tidak tepat, pengguna GPKI hendaklah menghubungi pentadbir pendaftar; dan
- viii. Pengguna akan menerima semula e-mel Kod Verifikasi Permohonan.

Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://helpdesk.mygпки.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

Nota:

Kod Verifikasi Permohonan yang dibekalkan di dalam e-mel akan tamat **dalam tempoh 24 jam** selepas e-mel dihantar. Sekiranya tempoh Kod Verifikasi Permohonan telah tamat, pengguna perlu menjana Kod Verifikasi Permohonan yang baharu di Portal MyGPKI.

2.2 PENGISIAN MAKLUMAT PERMOHONAN BAHARU SIJIL


Pengisian maklumat permohonan baharu sijil digital boleh dilaksanakan setelah pengguna didaftarkan oleh Pentadbir MyGPKI (SAP/SA/AP) dan telah menerima Kod Verifikasi Permohonan melalui e-mel yang dihantar oleh Sistem MyGPKI. Permohonan ini bertujuan untuk pengguna mendapatkan Sijil Digital bagi tujuan penggunaan Sistem ICT Kerajaan.

Langkah-langkah:

1. Pada Portal MyGPKI, klik pada menu [Perkhidmatan] > [PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA];
2. Klik pada sub menu [Permohonan Sijil Digital pengguna];



3. Masukkan No. MyKad berserta Kod Verifikasi Permohonan yang telah dihantar melalui e-mel anda dan klik butang [Seterusnya];




Nota:

Sila maklumkan kepada *Authorized Personnel* (AP) di agensi anda sekiranya:

- Nombor MyKad anda tidak wujud di dalam sistem.
- Anda tidak menerima e-mel notifikasi yang mengandungi Kod Verifikasi Permohonan.

4. Lengkapkan butiran peribadi pada skrin seperti di bawah:



Maklumat Pengguna

Jenis Permohonan	Baharu
Jenis Medium	Sijil Digital Roaming
Nama Pemohon	Ali Bin Abu
No. MyKad	00000000000
Sistem ICT Kerajaan	IGFMAS
Peranan Pengguna Sistem ICT Kerajaan	Pelulus / Peraku 1
E-mel	<input type="text" value="roamingotp018956@yopmail.com"/>
Kementerian / Agensi	<input type="text" value="JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA"/>
Alamat Agensi	<input type="text" value="PEJABAT AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ARAS 8, LOT 2G1A, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, P
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA"/>
Poskod	<input type="text" value="62100"/>
Negeri	<input type="text" value="WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA"/>
No. Telefon Pejabat	<input type="text" value="1111111111"/>
No. Faks	<input type="text" value="11111111111111"/>
No. Telefon Bimbit	<input type="text" value="1111111111"/>

5. Lengkapkan bahagian [Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital] seperti skrin di bawah:

Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital







Soalan Rahsia 1: Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)

Jawapan 1: 01011950 Masukkan 4 hingga 8 angka sahaja.

Soalan Rahsia 2: No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)

Jawapan 2: 2050 Masukkan 4 hingga 8 angka sahaja.

Sila pastikan anda ingat pilihan soalan dan jawapan keselamatan bagi penggunaan Sistem GPKI


Imej Keselamatan:   
   

PIN Sijil Digital: Masukkan 8 angka sahaja.

Pengesahan PIN Sijil Digital: Masukkan 8 angka sahaja.

Sila pastikan anda ingat nombor PIN. Nombor PIN ini akan digunakan untuk tujuan pengaktifan Token/SoftCert/RoamingCert dan kegunaan seterusnya

Muat Naik Imej MyKad: Sila muat naik imej MyKad dalam format *.jpg, *.png, *.gif sahaja. Saiz fail mestilah tidak lebih daripada 2MB. Sila pastikan imej MyKad yang dimuat naik adalah jelas.

Contoh imej MyKad: 


6. Sistem akan memaparkan Maklumat Pentadbir bagi pengguna seperti berikut:

Maklumat Pentadbir

No.	Sistem ICT Kerajaan	Nama	No. MyKad	Agensi	E-mel	No. Telefon Pejabat	Peranan
1	E-SYARIAH	HAZWAN BIN DOL	920202115456	JABATAN PERDANA MENTERI	hazwan9202@dispostable.com	5444444444	AP
2	E-SYARIAH	IRMA HANANI BINTI OTHMAN	890801024587	JABATAN PERDANA MENTERI	irma.othman@dispostable.com	0444444444	AP
3	E-SYARIAH	WAN HERMAN BIN WAN HAD	790904568901	JABATAN PERDANA MENTERI	herman.had@dispostable.com	98765432456	SA

- Masukkan **Pengesahan Keselamatan** di ruangan yang disediakan;
- Tandakan pada kotak *checkbox* untuk mengesahkan bahawa maklumat yang dikemukakan adalah benar;
- Tandakan pada kotak *checkbox* untuk memberi kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) membuat salinan sijil digital dan kunci peribadi (Private Key);
- Tandakan kotak *checkbox* untuk mengesahkan bahawa pengguna mengambil maklum sekiranya permohonan ditolak secara automatik atas sebab AP tidak membuat pengesahan permohonan dalam tempoh 15 hari;

Pengesahan Keselamatan


pgxnx

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi adalah benar dan tepat serta mematuhi perjanjian langganan sijil digital.

Saya, dengan ini memberikan kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) untuk membuat salinan sijil digital dan kunci peribadi (Private Key) saya dan seterusnya menyimpankannya ke dalam Pusat Data JDN, sekiranya saya pengguna RoamingCert atau SoftCert.

AP mengesahkan permohonan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya permohonan tidak disahkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengguna hendaklah memohon semula.

11. Klik butang [Hantar] untuk menghantar Permohonan Sijil Digital Pengguna kepada Pentadbir MyGPKI (SAP/SA/AP);
12. Sistem akan memaparkan skrin Status Permohonan seperti berikut:




PERMOHONAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA

Status Permohonan

Permohonan telah berjaya dihantar. Klik cetak untuk mencetak borang permohonan anda.

Sebarang pertanyaan, Sila klik pada pautan **GPKIDesk**

13. Klik butang [Cetak] untuk memuat turun Borang Permohonan Sijil Digital Roaming Baharu seperti berikut:

 BORANG PERMOHONAN SIJIL DIGITAL ROAMING BAHARU	
BAHAGIAN 1: MAKLUMAT PEMOHON	
REQNEWROAM 1	
ID Permohonan	: SDR/2024/06/04/NEW/0003/8956
Tarikh & Masa Permohonan	: 04/06/2024 03:58:26 PM
Nama Penuh	: Ali Bin Abu
No. MyKad	: 000000000000
Pengguna Aplikasi	: iGFMAS
Peranan Pengguna Aplikasi	: Pelulus / Peraku 1
Alamat E-mel	: roamingotp018956@yopmail.com
Kementerian	: KEMENTERIAN KEWANGAN
Agensi	: JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Alamat Agensi	: PEJABAT AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA ARAS 8, LOT 2G1A, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, P PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62100 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Telefon Pejabat	: 1111111111111111 No. Faks : 1111111111111111
No. Telefon Bimbit	: 111111111111
Soalan Rahsia 1	: Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)
Jawapan Rahsia 1	: 01011950
Soalan Rahsia 2	: No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)
Jawapan Rahsia 2	: 2050
Imej Keselamatan	: 
<p>Paparan Kad Pengenalan</p> 	
<p>Penafian dan Peringatan</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Saya dengan Ini mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberi adalah benar dan tepat serta mematuhi perjanjian langganan sijil digital.</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Saya, dengan Ini memberikan kebenaran kepada Jabatan Digital Negara (JDN) untuk membuat salinan sijil digital dan kunci peribadi (Private Key) saya dan seterusnya menyimpankannya ke dalam Pusat Data JDN, sekiranya saya pengguna RoamingCert atau SoftCert.</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> AP mengesahkan permohonan dalam tempoh 15 hari. Sekiranya permohonan tidak disahkan, permohonan akan ditolak secara automatik. Pengguna hendaklah memohon semula.</p>	
Salinan Pengguna dan Pentadbir GPKI sahaja	

14. Pengguna boleh menyimpan salinan Borang Permohonan Sijil Digital Pengguna untuk tujuan rujukan dalam bentuk *softcopy* atau *hardcopy*.

2.3 NOTIFIKASI E-MEL BAGI PENJANAAN SIJIL DIGITAL

Notifikasi Penjanaaan Sijil Digital akan dihantar kepada pengguna setelah Pentadbir MyGPKI (SAP/SA/AP) membuat pengesahan dan CA/RA memproses permohonan sijil digital.

Langkah-langkah:

1. Notifikasi e-mel akan dihantar kepada pengguna untuk memaklumkan bahawa sijil digital pengguna telah berjaya dijana; dan
2. Contoh paparan e-mel ialah seperti yang berikut:

Notifikasi Penjanaaan Sijil Digital
Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,
YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, Sijil Digital Pengguna RoamingCert anda telah berjaya dijana. Butir-butir sijil digital adalah seperti berikut:

Nama: RINA ASYEERA BINTI ABD. RAHIM
Nombor Kad Pengenalan: 810103045902
Pengeluar sijil: MSC Trustgate
Tarikh Tempoh Sah: 19/08/2021 07:59 AM

3. Sila buat pengaktifan melalui GPKI Agent 3.0.


Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://helpdesk.mygpk.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

3.0 PEMASANGAN APLIKASI MyGPKI *Mobile*




Rajah 4: Muat Turun Aplikasi MyGPKI *Mobile*

Aplikasi MyGPKI *Mobile* menyokong pelbagai platform peranti telefon pintar iaitu Android melalui Google Play Store, iOS melalui Apple Store dan peranti Huawei melalui Huawei AppGallery. Langkah-langkah pemasangan Aplikasi MyGPKI *Mobile* ialah seperti yang berikut:

Langkah-langkah pemasangan:


1. Buat carian MyGPKI *Mobile* dan klik butang [*Install*];




2. Ikon aplikasi MyGPKI *Mobile* akan dipaparkan seperti gambar di bawah:



3. Klik [*Allow*] untuk membenarkan notifikasi dihantar ke peranti *mobile* anda.




Pengguna iOS




Pengguna Android

4. Masukkan no. MyKad & no. telefon yang didaftarkan dalam Sistem MyGPKI;
5. Klik [Teruskan] dan skrin seperti di bawah akan dipaparkan;



6. Masukkan no. MyKad & no. Telefon yang didaftarkan dalam Sistem MyGPKI dan klik butang [Teruskan];
7. Aplikasi MyGPKI *Mobile* akan memaparkan skrin pemberitahuan mengenai penghantaran kod pengesahan pendaftaran kepada alamat e-mel pengguna. Sekiranya tidak lagi menggunakan e-mel tersebut klik butang [Tidak] dan pengguna hendaklah mengemas kini profil di Portal MyGPKI. Jika alamat e-mel masih sah, klik butang [Ya] dan kod pengesahan pendaftaran akan dihantar ke e-mel pengguna yang telah didaftarkan di Sistem MyGPKI;



8. Semak notifikasi melalui e-mel yang bertajuk “Kod Pengesahan Peranti Mudah Alih”. Klik pautan yang terdapat pada e-mel “Kod Pendaftaran Peranti Mudah Alih” atau masukkan kod pengesahan pendaftaran secara manual ke dalam medan [Kod pengesahan pendaftaran];

Nota:

Bagi pengguna iOS, anda dinasihatkan untuk memasukkan kod pengesahan pendaftaran secara manual ke dalam medan [Kod pengesahan pendaftaran] dan terus ke langkah 10.

From: notifikasi.gpki@digital.gov.my <notifikasi.gpki@digital.gov.my> |
Sent: Friday, 14 June, 2024 12:02 PM
To: Yeap Lai Hin <yeap@[REDACTED].com.my>
Subject: [Kod Pendaftaran Peranti Mudah Alih](#)

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kod pengesahan pendaftaran Peranti Mudah Alih anda adalah 732466 dan akan sah sehingga 14/06/2024 01:02 PM.


3. Atau; Klik pada capaian berikut

https://mygpki.gov.my/gpki_portal/mobile_application/send_registration_code/1614/2ef9a0cc-e12f-496a-87ed-d4c3bc01c871 untuk menghantar kod pengesahan pendaftaran kepada Peranti Mudah Alih anda. Sebarang pertanyaan tuan/puan hendaklah dikemukakan kepada Meja Bantuan MyGPKI melalui pautan <https://heldesk.mygpki.gov.my>.

Sekian, terima kasih.
Pentadbir Sistem GPKI

E-mel ini merupakan janaan komputer. Tiada sebarang maklum balas diperlukan.

9. Kod pengesahan pendaftaran akan diterima melalui *Alert* Notifikasi [Kod Pengesahan Pendaftaran] Aplikasi MyGPKI *Mobile* pada telefon pintar dan akan dimasukkan secara automatik ke dalam medan kod pengesahan pendaftaran. Klik pautan pada e-mel [Kod Pendaftaran Peranti Mudah Alih] seperti berikut:




10. Masukkan Kod Pengesahan Pendaftaran daripada e-mel “Kod Pendaftaran Peranti Mudah Alih” dan klik butang [DAFTAR] untuk meneruskan proses pendaftaran;



11. Setelah klik butang [DAFTAR], Aplikasi MyGPKI *Mobile* akan memaparkan skrin [Login Pengguna] dan mesej *pop-up* “Terima kasih, peranti mudah alih anda telah berjaya didaftarkan” seperti berikut:



12. Pilih **Soalan Rahsia** dan masukkan **Jawapan Soalan Rahsia**;
13. Masukkan **no. PIN** Sijil Digital dan klik butang [MASUK]; dan



The screenshot shows the 'Login Pengguna' screen. At the top, there is a blue header with a hamburger menu icon and the text 'Login Pengguna'. Below the header is a profile section with a blue circular icon containing a white person silhouette. The text below the icon reads 'UAT USER LIMA', '88*****205', and 'Sijil Digital SoftCert'. The main form area contains three input fields: 'Soalan Rahsia:' with a dropdown menu showing 'Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)', 'Jawapan:' with a masked input field showing four dots, and 'PIN' with a masked input field showing six dots. At the bottom of the form is a blue button with a white key icon and the text 'MASUK'.

14. Aplikasi MyGPKI *Mobile* akan memaparkan skrin [Profil Peribadi] seperti berikut:




The screenshot shows the 'Profil Peribadi' screen. At the top, there is a blue header with a hamburger menu icon, the text 'Profil Peribadi', and icons for a trash can and a document. Below the header is a profile section with a blue circular icon containing a white person silhouette. The text below the icon reads '880210-14-1218', 'POS DIGICERT', and 'Sijil Digital Roaming'. Below the profile section are two tabs: 'BUTIRAN PERIBADI' (selected) and 'SIJIL DIGITAL'. The main content area displays personal details: 'Alamat:' followed by '8-3A-02 STAR CENTRAL LINGKARAN LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR CYBERJAYA 63000 SELANGOR', 'Poskod:' followed by '63000', and 'Negeri:' followed by 'SELANGOR'. Below this is a section titled 'MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI' containing: 'E-mel:' followed by 'Uatuser18@yopmail.com', 'No. Telefon Bimbit:' followed by '1111111111', and 'No. Telefon:' followed by '1111111111'. At the bottom of the screen is an Android navigation bar with three icons: a hamburger menu, a square, and a back arrow.


3.1 NOTIFIKASI


Fungsi ini membenarkan pengguna untuk melihat senarai notifikasi yang telah dibuat/dimohon.

Langkah-langkah:


1. Prasyarat:
 - a) Pengguna telah memasang Aplikasi MyGPKI *Mobile* di dalam telefon pintar;
 - b) Telefon pintar **WAJIB** mempunyai talian internet yang aktif;
 - c) Pengguna **WAJIB** memilih opsyen “Allow” bagi tetapan notifikasi untuk membenarkan Aplikasi MyGPKI *Mobile* menghantar notifikasi pada telefon pintar;
 - d) Pengguna telah log masuk ke dalam Aplikasi MyGPKI *Mobile*;
 - e) Pengguna digalakkan untuk membuka Aplikasi MyGPKI *Mobile* pada telefon pintar semasa membuat Permohonan Kod OTP; dan
 - f) Pengguna telah membuat Permohonan Kod OTP.
2. Klik *alert* notifikasi [Permohonan Kod OTP] Aplikasi MyGPKI *Mobile* yang diterima pada telefon pintar seperti berikut:




3. Setelah skrin [Profil Peribadi] dipaparkan, klik ikon  dan skrin menu akan dipaparkan seperti berikut:



4. Klik menu [Notifikasi] dan skrin Notifikasi akan dipaparkan seperti berikut:



5. Pilih salah satu mesej di dalam senarai dan mesej lengkap akan dipaparkan seperti contoh berikut:



3.2 MENGHAPUSKAN NOTIFIKASI DALAM MyGPKI *Mobile*


Fungsi ini membolehkan pengguna memadam notifikasi yang telah diterima dalam aplikasi MyGPKI Mobile. Setelah notifikasi dipadam, mesej tersebut tidak akan lagi dipaparkan dalam senarai notifikasi pengguna.



Langkah-langkah:

1. Pengguna telah log masuk ke dalam aplikasi MyGPKI *Mobile*;



2. Klik [Notifikasi] pada menu, dan skrin senarai notifikasi yang diterima akan dipaparkan.




3. Pilih notifikasi yang ingin dipadam dan *slide* ke kiri. Notifikasi tersebut akan beralih ke kiri dengan paparan ikon  ;
4. Tekan pada ikon  dan notifikasi tersebut akan terus dipadam.

4.0 PENGGUNAAN ROAMINGCERT + OTP


Sijil Digital Roaming (RoamingCert) merupakan Sijil Digital Pengguna yang digunakan bagi tujuan pengesahan identiti, penyulitan data dan tandatangan digital. Prasyarat bagi penggunaan RoamingCert + OTP ialah pengguna hendaklah mempunyai Sijil Digital Roaming dan telah memasang aplikasi MyGPKI *Mobile* di telefon pintar yang didaftarkan dalam Sistem MyGPKI. Berikut adalah langkah-langkah bagi fungsi tandatangan digital menggunakan RoamingCert + OTP.

Langkah-langkah penggunaan:

1. Pengguna perlu mengakses ke dalam Sistem ICT Kerajaan;




Sistem ICT Kerajaan




ID :


Kata laluan :


2. Pilih dokumen yang hendak ditandatangani secara digital. Klik butang [Teruskan];




3. Setelah memilih dokumen, klik butang [Mohon Kod OTP]. Pengguna akan menerima kod OTP tersebut melalui Aplikasi MyGPKI *Mobile* atau melalui e-mel.





4. Cara untuk mendapatkan kod OTP melalui Aplikasi MyGPKI Mobile adalah dengan klik pada menu garis tiga pada sebelah kiri di sebelah atas skrin  seperti gambar di bawah:




5. Seterusnya klik pada menu [Notifikasi].




6. Pengguna boleh melihat kod OTP yang telah dihantar. Pilih salah satu mesej di dalam senarai dan mesej lengkap akan dipaparkan seperti contoh berikut:



7. Sekiranya kod OTP dihantar melalui e-mel, pengguna akan menerima e-mel Permohonan Kod OTP seperti imej di bawah:




8. Masukkan kod OTP yang diterima dan no. PIN Sijil Digital Roaming, kemudian klik butang [Hantar]; dan



Sistem ICT Kerajaan Ashira Azman


SIGN

Dokumen :  Invois

Kod OTP :

PIN Sijil Digital :

9. Sekiranya tandatangan digital berjaya, sistem ICT kerajaan akan memaparkan mesej transaksi berjaya.



Sistem ICT Kerajaan Ashira Azman

Invois

Tarikh: 3/7/2024

Kepada: Jabatan Digital Negara Daripada: Pos Digital Sdn Bhd

Perkara	Harga	Unit	Jumlah

Jumlah:

Digitally signed by Ashira Azman
Date: 2024.07.3 11:36:15 MYT

Ashira Azman
Ashira Azman
Pengarah

TAHNIAH! TRANSAKSI BERJAYA!

5.0 PENGUJIAN FUNGSI ROAMINGCERT

Fungsi ini adalah bertujuan memastikan RoamingCert yang dikeluarkan boleh berfungsi dengan baik. Fungsi yang akan diuji adalah *Signing*, *Verfying*, *Encrypt* dan *Decrypt*.

Langkah-langkah pengujian:

1. Klik pada menu [Utiliti] dan klik pada [Pengujian Medium] > [Pengujian RoamingCert];




2. Masukkan **no. MyKad**, **no. PIN** dan **Data** untuk pengujian dan klik butang [Uji]; dan



The screenshot shows the 'Pengujian RoamingCert' form. It has three input fields: 'No. MyKad:', 'PIN:', and 'Data:'. The 'Data:' field contains the text 'Uji Data'. There are two buttons at the bottom: 'Batal' and 'Uji'.

3. Agen akan memaparkan keputusan pengujian seperti berikut:



Utama Pengurusan SoftCert/RoamingCert Pengurusan Token Pengurusan Pengguna Utiliti

Pengujian RoamingCert

No. MyKad:

PIN:

Data:

Pengujian tandatangan dan verifikasi...
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya


Pengujian bermula....
ID: 920902015154
Data: Uji Data
Keputusan tandatangan: Berjaya
Jenis kunci digital: EC
Keputusan verifikasi: Berjaya

Pengujian encrypt dan decrypt...
Penyemakan jika agen aktif: Berjaya


Pengujian bermula....
ID: 920902015154

6.0 KEMAS KINI PROFIL

1. Log masuk ke pautan <https://mygпки.gov.my/>;
2. Klik pada menu [PERKHIDMATAN] > klik pada [Kemas Kini Profil Pengguna];



3. Lengkapkan maklumat yang diminta seperti di bawah, kemudian klik butang [Seterusnya];










The screenshot shows the 'PROFIL PENGGUNA' form. The form includes a dropdown menu labeled 'Pilih' and a text input field. Below the form, there is a question: 'Adakah ini imej pilihan anda semasa pendaftaran?' with a teddy bear image and two radio button options: 'Ya' and 'Tidak'. At the bottom of the form, there are two buttons: 'Set Semula' and 'Seterusnya', with the 'Seterusnya' button highlighted by a red box.

4. Semak dan kemas kini maklumat seperti paparan di bawah:

Pengguna Mudah Alih	<input type="radio"/> Ya <input checked="" type="radio"/> Tidak
E-mel	<input type="text" value="Ali@posdigicert.com.my"/>
Kementerian / Agensi	<input type="text" value="POS DIGICERT SDN BHD"/>
Alamat Agensi	<input type="text" value="8-3A-02 STAR CENTRAL LINGKARAN
LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR
CYBERJAYA
63000 SELANGOR"/>
Poskod	<input type="text" value="63000"/>
Negeri	<input type="text" value="SELANGOR"/>

5. Klik butang [Kemas Kini] setelah selesai semak dan kemas kini seperti di bawah.

Maklumat Berhubung Penggunaan Sijil Digital	
Soalan Rahsia 1	<input type="text" value="Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)"/>
Jawapan 1	<input type="text" value="12345"/>
Soalan Rahsia 2	<input type="text" value="No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)"/>
Jawapan 2	<input type="text" value="12345"/>
Imej Keselamatan	<input type="radio"/>  <input type="radio"/>  <input type="radio"/>  <input type="radio"/>  <input type="radio"/>  <input type="radio"/> 
Pengesahan Keselamatan	<input type="text" value="6a4c4"/> <input type="text" value=""/>
<input type="button" value="Batal"/> <input type="button" value="Kemas kini"/>	

6. Pengguna selesai mengemaskini maklumat profil pengguna apabila  dipaparkan.


7.0 RESET PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat penetapan semula no. PIN Sijil Digital sekiranya pengguna terlupa no. PIN Sijil Digital sedia ada melalui MyGPKI Agent dan Portal MyGPKI.


7.1 RESET PIN MELALUI PORTAL MyGPKI

Langkah-langkah:

1. Log masuk ke Portal MyGPKI, klik pada menu [PERKHIDMATAN] > [PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA];
2. Klik pada sub menu [Reset PIN Sijil Digital Softcert/Roaming];




3. Masukkan maklumat no. MyKad, Soalan Rahsia 1, Jawapan 1, Soalan Rahsia 2, Jawapan 2 dan klik butang [Reset PIN]; dan




The screenshot shows the 'RESET PIN SIJIL DIGITAL' form on the MyGPKI website. The form includes the following fields and elements:

- No. MyKad:** A text input field containing '00000000000'.
- Soalan Rahsia 1:** A dropdown menu with the value 'Tarikh lahir ibu anda (contoh: 01011950)'.
- Jawapan 1:** A text input field containing '....'.
- Soalan Rahsia 2:** A dropdown menu with the value 'No plat kereta pertama ayah anda (contoh: 2050)'.
- Jawapan 2:** A text input field containing '....'.
- Security:** A reCAPTCHA 'I'm not a robot' checkbox and logo.
- Buttons:** A 'Reset' button and a 'Reset PIN' button, which is highlighted with a red rectangular box.

4. Notifikasi "PIN Sijil Digital anda telah berjaya disetkan semula. Anda akan menerima e-mel notifikasi berhubung Reset PIN ini. Sila tukar PIN kepada PIN baharu." akan dipaparkan dan pengguna akan menerima e-mel notifikasi RESET PIN.



The screenshot shows the 'RESET PIN SIJIL DIGITAL' form after a successful reset. A green notification banner is displayed at the top of the form area, containing the text: "PIN Sijil Digital anda telah berjaya disetkan semula. Anda akan menerima e-mel notifikasi berhubung Reset PIN ini. Sila tukar PIN kepada PIN baharu." The form fields are now empty, and the 'Reset PIN' button is no longer visible.



Nota:

- Pengguna disarankan untuk menukar no. PIN sijil digital sementara yang diterima melalui e-mel Notifikasi Reset PIN;
- Pengguna perlu menghapuskan maklumat sijil digital yang sedia ada dalam **Aplikasi MyGPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan masukkan **no. PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** atau;
- Menghapuskan akaun pengguna yang sedia ada dalam **Aplikasi MyGPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi MyGPKI Mobile dengan menggunakan **no. PIN semasa yang dihantar melalui e-mel Notifikasi Reset PIN** selepas berjaya melakukan Reset PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih - MyGPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna MyGPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna MyGPKI Mobile dalam Aplikasi MyGPKI Mobile).


8.0 TUKAR PIN

Fungsi ini membenarkan pengguna untuk membuat penukaran no. PIN Sijil Digital sekiranya pengguna telah melaksanakan fungsi Reset PIN.


8.1 TUKAR PIN MELALUI PORTAL MyGPKI

Langkah-langkah:

1. Log masuk ke Portal MyGPKI, klik pada menu [PERKHIDMATAN] > [PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA];
2. Klik pada sub menu [Tukar PIN Sijil Digital Softcert/Roaming];



3. Masukkan maklumat No. MyKad, No. PIN Lama, No. PIN Baharu, Sahkan No. PIN, dan klik butang [Tukar PIN]; dan



PERKHIDMATAN / PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA / Tukar PIN Sijil Digital

TUKAR PIN SIJIL DIGITAL

No. MyKad: 000000000000

No. PIN Lama:


No. PIN Baharu:

Sahkan No. PIN:

I'm not a robot

Reset **Tukar PIN**

4. Notifikasi “PIN berjaya ditukar bagi pengguna 000000000000.” akan dipaparkan seperti berikut:



PERKHIDMATAN / PENGURUSAN SIJIL DIGITAL PENGGUNA / Tukar PIN Sijil Digital

TUKAR PIN SIJIL DIGITAL

PIN berjaya ditukar bagi pengguna 000000000000

No. MyKad: No. MyKad

No. PIN Lama:

No. PIN Baharu:

Sahkan No. PIN:

I'm not a robot

Reset

Nota:

- Pengguna perlu menghapuskan maklumat sijil digital sedia ada dalam **Aplikasi MyGPKI Mobile** dan melakukan Login Pengguna semula dengan memilih soalan rahsia, menjawab soalan rahsia dan memasukkan **no. PIN baharu yang ditukar** atau;
- Menghapuskan akaun pengguna sedia ada dalam **Aplikasi MyGPKI Mobile** dan membuat pendaftaran semula pada Aplikasi MyGPKI Mobile dengan menggunakan **no. PIN baharu yang ditukar** selepas berjaya melakukan Tukar PIN. (Sila rujuk Manual Pengguna - Aplikasi Mudah Alih – MyGPKI Mobile untuk menghapuskan Maklumat Sijil Digital, Akaun pengguna MyGPKI Mobile dan Pendaftaran Akaun pengguna MyGPKI Mobile dalam Aplikasi MyGPKI Mobile).